

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) apakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menaik taraf rangkaian internet secara keseluruhan di Bintulu dalam masa terdekat memandangkan Bintulu semakin membangun dengan adanya pelaburan asing; dan
- (b) apakah pihak Kementerian bercadang menawarkan perkhidmatan internet mampu milik mudah alih kepada rakyat yang kurang berkemampuan terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil beberapa inisiatif dalam menghasilkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), sebuah rancangan yang dapat menangani isu akses kepada Internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih.

Antara inisiatif untuk menambahbaik infrastruktur digital di Bintulu melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di bawah Fasa 1 setakat 30 September 2021 adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik		Jalur Lebar Satelit	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Pelaksanaan	Siap
Bintulu	45	14	317	226	4,129	5,473	10	-

Secara umumnya, pelaksanaan kesemua inisiatif JENDELA ini telah bermula sejak bulan September 2020 dan inisiatif yang dalam perancangan akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2022. Manakala, bagi perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi satelit kini dalam proses pelaksanaan dan dijangka akan siap secara berperingkat bermula November 2021 sehingga awal tahun 2022.

Manakala peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Bintulu telah meningkat kepada 82.52% pada suku kedua 2021 berbanding 72.34% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Selain itu, usaha penambahbaikan rangkaian akan diteruskan untuk memberikan kualiti pengalaman yang lebih baik kepada pengguna.

SOALAN NO : 40

Para pengguna disaran melayari portal *JENDELA Map* (<https://jendela.my>) yang telah dilancarkan pada Julai lepas, bagi melaporkan lokasi yang kurang mendapat liputan agar boleh dimasukkan ke dalam perancangan masa hadapan. Maklumat yang diperolehi daripada pengguna secara terus secara sumber khalayak atau *crowdsourcing*, dapat digunakan sebagai maklumat bagi membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa.

Kesemua inisiatif ini memerlukan kerjasama serta tindakan beberapa pihak berkepentingan lain terutamanya pihak Kerajaan Negeri. MCMC akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan negeri iaitu Sarawak Multimedia Authority (SMA) bagi menambahbaik liputan dan kualiti jalur lebar di Sarawak untuk mengenalpasti keperluan dan menyelaraskan inisiatif jalur lebar di negeri Sarawak bagi mengelakkan pertindihan lokasi pelaksanaan.

Pihak Kerajaan juga sedang di dalam proses untuk menutup rangkaian 3G agar spektrum yang digunakan dapat digunakan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan teknologi 4G yang dapat menyediakan kelajuan capaian internet yang lebih tinggi. Sehingga 30 September 2021, sebanyak 1.2 juta pelanggan 3G sedia ada telah beralih kepada 4G dan 78,000 rangkaian 3G telah ditutup untuk menambahbaik liputan dan kualiti perkhidmatan teknologi 4G.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak SKMM sentiasa memantau pakej dan harga yang ditawarkan kepada pengguna bagi memastikan pengguna dapat menikmati Internet pada harga yang berpatutan.

Pakej asas jalur lebar mudah alih prabayar ditawarkan pada harga RM10 manakala harga pakej asas jalur lebar mudah alih pascabayar ditawarkan pada harga RM8. Secara umumnya, pengguna boleh menikmati perkhidmatan jalur lebar mudah alih dengan harga serendah **27 sen sehari**.

SOALAN NO : 40

Selain itu, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), pembekal perkhidmatan mudah alih utama juga menawarkan internet secara percuma sebanyak 1GB setiap hari (bersamaan 30GB data percuma setiap bulan) bermula dari 1 April 2020 sehingga akhir tahun 2021. Penggunaan data percuma 1GB ini boleh digunakan untuk aktiviti produktiviti dan khusus untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Sejajar dengan penggunaan data yang semakin meluas, selain pakej asas, kebanyakan syarikat telekomunikasi mudah alih utama juga telah mula menawarkan pakej data tanpa had untuk pelan prabayar pada harga serendah RM30 sebulan mulai Jun 2020, bersamaan RM1 sehari. Selain itu, Digi juga menawarkan pakej khas data kepada belia berumur 12 sehingga 24 tahun yang melanggan pakej prabayar, pada harga RM30 sebulan untuk 15GB data kelajuan tinggi. Selain itu, baru-baru ini, Pakej Remaja Keluarga Malaysia dilancarkan di mana golongan remaja dan pelajar berusia 12-21 tahun boleh mendapatkan pakej prabayar data 20GB pada harga RM30 untuk 90 hari (RM10/bulan) dari 15 Oktober 2021 sehingga 15 April 2022.

Bagi perkhidmatan jalur lebar tetap berkelajuan tinggi, terdapat syarikat penyedia perkhidmatan yang menawarkan pakej asas 30Mbps pada harga RM80 sebulan. Bagi kawasan yang tidak ada liputan jalur lebar tetap berkelajuan tinggi, Telekom Malaysia (TM) menawarkan pakej *Broadband Lite Package* pada harga RM38 dengan data sebanyak 50GB, selain pakej-pakej yang lain. Memandangkan sasaran pakej jalur lebar talian tetap adalah kepada penggunaan isi rumah dan dengan mengambil kira laporan Jabatan Perangkaan Malaysia bahawa purata isi rumah untuk tahun 2019 adalah seramai 4 orang, ini bermaksud harga jalur lebar talian tetap untuk setiap pengguna isi rumah adalah serendah **32 sen sehari**.

Jelas, terdapat pelbagai pilihan yang ditawarkan mengikut keperluan dan tahap kemampuan pengguna iaitu melalui jalur lebar tetap, jalur lebar mudah alih dan jalur lebar tetap tanpa wayar.

SOALAN NO : 40

Berdasarkan laporan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), Malaysia menduduki tempat ke-3 di rantau ASEAN selepas Singapura dan Brunei untuk pakej-pakej mudah alih berikut:

- Pakej asas data dan panggilan mudah alih;
- Pakej asas panggilan dan SMS mudah alih; dan
- Pakej asas jalur lebar mudah alih data sahaja.

Begitu juga bagi pakej asas jalur lebar talian tetap berkelajuan tinggi, Malaysia menduduki tempat ke-3 di rantau ASEAN selepas Singapura dan Brunei. Berdasarkan laporan The Economist pula, Indeks Inklusif Internet 2021, pakej asas jalur lebar talian tetap, Malaysia menduduki tempat ke-3 di rantau ASEAN selepas Vietnam dan Singapura.